

Subject : Rancang perjalanan balik kampung

Date : 2 Februari 2011

Publication : Utusan Malaysia

Page : 16

Section : Dlm Negeri

Rancang perjalanan balik kampung

BENTONG 1 Feb. – Orang ramai yang ingin balik bercuti ke kampung sempena Tahun Baru Cina dinasihatkan merancang perjalanan mengikut jadual yang disediakan oleh konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), MTD Prime Sdn. Bhd. (MTD).

Ketua Bahagian Lebuhraya MTD, Ir. Wan Razali Wan Muda berkata, jadual perjalanan yang disediakan itu dapat mengelak pemandu daripada terperangkap dalam kesesakan di kedua-dua lebuhraya berkenaan semasa pulang ke kampung.

Katanya, mengikut jadual perjalanan yang disediakan itu, pemandu yang ingin pulang ke Pantai Timur hari ini dan esok serta balik daripada bercuti bermula Khamis ini diberi dua pilihan.

“Bagi pilihan pertama, mereka yang ingin balik ke Pahang boleh melalui kedua-dua lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan LPT antara pukul 10 pagi hingga 1 petang dan pilihan kedua antara pukul 8 malam hingga 12 tengah malam.

“Mereka yang ingin balik atau pergi ke Kelantan dan Terengganu melalui Plaza Tol Bentong boleh menggunakan lebuhraya antara pukul 6 pagi hingga 10 pagi dan pilihan kedua pula antara pukul 1 petang hingga 8 malam,” katanya di sini hari ini.